

ZAKAT DAN PERANANNYA DALAM MERANCAKKAN INDUSTRI KESIHATAN NEGARA

ZAKAT AND ITS ROLE IN STIMULATING THE NATION'S HEALTHCARE INDUSTRY

Mohd Izzuddin Mohd Noor*

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

**Corresponding Author's Email: izzuddin@unimel.edu.my*

Article History:

Received : 26 August 2025

Accepted : 14 November 2025

Published : 24 December 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Mohd Noor, M. I. (2025). Zakat Dan Peranannya Dalam Merancakkan Industri Kesihatan Negara. *Jurnal 'Ulwan*, 10(2), 290-301.

ABSTRAK

Zakat merupakan kewajipan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran. Ianya merupakan amalan yang dapat membantu mereka yang dalam keadaan susah untuk keluar daripada kesukaran hidup. Dalam masa yang sama, ianya juga dapat membangunkan ekonomi Umat Islam secara komprehensif dan tuntas. Salah satu daripada tujahan tersebut ialah industri kesihatan negara. Kajian ini berbentuk kualitatif dan pengkaji mengumpulkan maklumat berkenaan zakat, asnaf dan tafsiran berkaitan dengan asnaf zakat tertentu daripada kitab-kitab fiqh turath dan kotemporari, dan juga mendapatkan bahan rujukan daripada kajian, artikel ilmiah, fatwa semasa serta keratan akhbar yang berkaitan dengan perkara tersebut. Pendapat-pendapat ulama terdahulu dan moden dibuat perbandingan, dan digabung jalinkan serta disepadukan. Ianya untuk meninjau dan melihat sejauh mana pelaksanaan zakat mampu merancakkan industri kesihatan negara sama ada untuk jangka masa yang pendek mahupun panjang bagi mendapatkan kesimpulan yang tepat juga berkenaan dengan peranan zakat dalam membantu memajukan industri kesihatan negara. Kajian menunjukkan bahawa zakat merupakan salah satu daripada medium yang boleh dimanfaatkan dalam merancakkan industri kesihatan negara demi kemaslahatan asnaf mahupun Umat Islam secara umumnya.

Kata kunci: zakat, industri, kesihatan

ABSTRACT

Zakat is an obligation prescribed by Allah SWT in the Qur'an. It is a practice that helps those in hardship to overcome the difficulties of life. At the same time, it contributes to the comprehensive and sustainable development of the Muslim community's economy. One of the sectors highlighted in this regard is the national healthcare industry. This study adopts a qualitative approach, in which the researcher collects information on zakat, asnaf (eligible recipients), and interpretations related to specific categories of zakat recipients from classical (turath) and contemporary fiqh texts. In addition, reference materials are obtained from previous studies, scholarly articles, current fatwas, and relevant newspaper reports. The views of classical and modern scholars are compared, integrated, and synthesised. The study aims to examine the extent to which the implementation of zakat can stimulate the national healthcare industry, both in the short and long term, in order to arrive at accurate conclusions regarding the role of zakat in supporting the development of the national healthcare sector. The findings indicate that zakat is one of the instruments that can be utilised to enhance the national healthcare industry for the benefit of the asnaf as well as the Muslim community in general.

Keywords: zakat, industry, healthcare

1.0 PENGENALAN

Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang kewajibannya telah sedia dimaklumi oleh semua Umat Islam. Bahkan ianya juga merupakan tuntutan yang telah diwajibkan ke atas umat yang terdahulu lagi. Hal ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Allah SWT di dalam Surah Al-Anbiya ayat 73:

وَجَعَلْنَاهُمْ أُمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ
الزَّكَاةِ وَكَانُوا لَنَا عَبِيدِينَ ٧٣

Maksudnya: Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah Kami, dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan, dan mendirikan sembahyang, serta menunaikan zakat; dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami.

Mereka di sini ialah Nabi Luth, Nabi Ibrahim, Nabi Ishak dan Nabi Yaakub (Al-Zuhaili, 1991). Hal ini membuktikan bahawa ibadah solat dan khususnya di sini ibadah zakat, merupakan ibadah yang telah lama, diwarisi oleh Umat Nabi Muhammad SAW daripada Umat Nabi Rasul yang terdahulu. Ianya juga menunjukkan bahawa ibadah zakat merupakan ibadah yang sangat memberikan signifikan kepada kehidupan manusia sejagat dan bersesuaian dengan naluri fitrah

kejadian manusia. Bahkan Nabi Isa AS juga menceritakan akan kewajiban ibadah zakat ke atas Baginda sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Al-Quran Surah Maryam ayat 31:

وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنْتُ وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ۝ ٣١

Maksudnya: *Dan Dia menjadikan aku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada, dan diperintahkan aku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup.*

Ayat ini mengisyaratkan pengabdian diri kepada Allah SWT melalui ibadah solat dan zakat dilakukan sehingga ke penghujung nyawa (Ibnu Kathir, 1998).

Secara umumnya, zakat secara asalnya diambil daripada harta orang yang beriman. Al-Quran menyebutkan akan hal ini dalam Surah Al-Taubah ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ ۝
لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ١٠٣

Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Sedekah di sini ialah zakat yang difardukan, dan ibadah zakat dapat membersihkan dan mensucikan mereka yang membayarnya daripada dosa dan akhlak yang buruk (Al-Saa'di, 2000). Maka dapat dikatakan di sini bahawa ibadah zakat menyebabkan terhapusnya dosa dan menjauhkan seseorang individu daripada sikap yang buruk.

Rasulullah SAW bersabda:

فَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ، تُوْخَذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى
فُقَرَائِهِمْ

Maksudnya: *“Maka beritahu mereka bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka sedekah pada harta mereka, yang diambil daripada mereka yang kaya dan diagihkan kepada mereka yang miskin”* (Riwayat Bukhari)

Sedekah di sini membawa maksud zakat yang diwajibkan (Ibnu Hajar Al-Asqalani, 1969).

Kesihatan pula merupakan antara nikmat yang terbesar anugerah pemberian Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda:

نِعْمَتَانِ مَعْبُودٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ: الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ

Maksudnya: “Dua nikmat yang biasanya dilupakan oleh kebanyakan manusia; nikmat kesihatan dan nikmat waktu lapang”.(Riwayat Bukhari).

Nikmat kesihatan merupakan perkara pertama yang akan dipersoalkan di akhirat kelak sebagaimana yang telah disabdakan oleh Rasulullah SAW:

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُسْأَلُ عَنْهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ - يَعْنِي الْعَبْدَ مِنَ النَّعِيمِ - أَنْ يُقَالَ لَهُ: أَلَمْ تُصِحِّحْ لَكَ جِسْمَكَ، وَتُرْوِيكَ مِنَ الْمَاءِ الْبَارِدِ

Maksudnya: “Sesungguhnya perkara pertama yang akan disoal pada hari kiamat yang berkaitan dengan nikmat manusia ialah; dikatakan kepadanya: Tidakkah Kami telah memberikan kesihatan pada badanmu dan memberimu minum air yang sejuk” (Riwayat Tirmizi)

Dalam masa yang sama, kesihatan juga merupakan satu bentuk ujian Allah SWT terhadap manusia apabila diuji dengan sesuatu penyakit. Apa yang lebih penting ialah ujian kesihatan ini menjadi penghapus dosa bagi mereka yang diuji. Rasulullah SAW bersabda:

مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ، مِنْ نَصَبٍ وَلَا وَصَبٍ، وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ وَلَا أَذًى وَلَا غَمٍّ، حَتَّى الشَّوْكَةِ يُشَاكُهَا، إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ

Maksudnya: “Tidakkah menimpa seseorang Muslim sama ada letih, sakit, kerisauan, kesedihan, kesusahan atau kebimbangan bahkan tusukan duri sekali pun melainkan Allah SWT akan menjadikan semua itu sebagai kifarah kepada dosa-dosanya”.(Riwayat Bukhari)

Islam secara umumnya menggalakkan Umatnya untuk berubat atau mendapatkan rawatan apabila diuji dengan sesuatu penyakit. Secara terperinci, terdapat perbezaan pandangan di kalangan ulamak. Jumhur ulamak iaitu Mazhab Hanafi(Al-Marghinani, t.t), Mazhab Maliki(Al-Adwi, 1994), Mazhab Hanbali(Al-Buhuti, 1968) berpandangan bahawa hukum berubat ialah harus dan pada pandangan Mazhab Syafie hukumnya adalah sunat(Al-Nawawi, 1926). Manakala pada pandangan Mazhab Zahiri hukumnya adalah wajib(Ibnu Hazm, t.t). Walaupun pandangan majoriti bahawa hukum berubat adalah harus, namun apabila berada

dalam keadaan yang memudaratkan, Islam menggesa Umatnya supaya menghilangkan kemudaratkan tersebut berdasarkan kepada Sabda Rasulullah SAW:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: *“Tiada mudarat dan tidak boleh memberi mudarat”*
(Riwayat Ibnu Majah).

Malah, antara Kaedah Fiqh yang utama ialah kaedah;

الضَّرَرُ يُزَالُ

Maksudnya: *“Kemudaratkan mestilah dihilangkan”* (Ibnu Nujaim, 1999).

Kaedah ini mengisytiharkan bahawa wajib menghilangkan kemudaratkan, mengatasi atau mengangkat kemudaratkan apabila ianya berlaku (Al-Ghazi, 1996). Justeru, jika sekiranya penyakit tersebut memberikan kemudaratkan kepada pesakit, sewajarnya atau lebih utama bagi pesakit tersebut untuk berubat dan mendapatkan rawatan yang sebenarnya daripada fasiliti kesihatan. Ini bagi menghalang dan menghilangkan kemudaratkan yang akan terhasil daripada penyakit tersebut. Berubat atau mendapatkan rawatan akan memberikan kebaikan yang lebih banyak berbanding daripada meninggalkan sebarang proses berubat dan mendapatkan rawatan. Bahkan ianya juga termasuk dalam urusan penjagaan nyawa yang sangat diberikan penekanan dalam ilmu Maqasid Syariah. Mencegah dan mengelakkan diri daripada sebarang penyakit merupakan antara tuntutan dalam maqasid penjagaan nyawa (Abdul Ati, 2007). Ianya dapat dilaksanakan melalui proses rawatan dan berubat. Apatah lagi apabila sebarang prosedur rawatan tersebut dilakukan atau dipantau oleh doktor-doktor yang berkepakaran dan amanah boleh dipercayai.

2.0 PENGERTIAN ZAKAT DAN ASNAF ZAKAT

Zakat daripada bahasa bermaksud kesucian dan berkembang (Ibnu Manzur, 1993). Dari sudut istilah pula zakat membawa maksud mengeluarkan harta pada kadar tertentu daripada harta tertentu untuk diberikan kepada golongan yang tertentu (Muhammad Rawas, 1988). Selain daripada itu, Al-Quran secara jelas menyebutkan bahawa golongan yang wajib diagihkan zakat kepada mereka selain mereka yang miskin seperti hadis di atas ialah sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah Al-Taubah ayat 60:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي
الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٌ ٦٠

Maksudnya: “*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana*”.

Fakir dan miskin merupakan golongan yang berbeza maksudnya. Ini adalah pandangan yang telah disepakati oleh ulamak mazhab; Hanafi(Al-Zailai, 1893), Maliki(Muhammad Alish, 1984), Syafie(Al-Nawawi, 1926) dan Hanbali(Al-Buhuti, 1968). Menurut Mazhab Syafie(Al-Syarbini, 1994) dan Hanbali(Al-Buhuti, 1968), fakir ialah golongan yang lebih buruk keadaannya berbanding dengan golongan miskin.

Golongan amil ialah mereka yang telah dilantik pemerintah untuk mengutip harta zakat daripada golongan yang wajib membayar zakat(Al-Kasani, 1907). Golongan muallaf pula bermaksud mereka yang diharapkan untuk masuk Islam, atau mereka yang perlu dielakkan daripada kemudaratan mereka terhadap Islam, atau mereka yang diharapkan dengan pemberian zakat dapat melembutkan hati mereka dan seterusnya menguatkan iman mereka. Ianya terbahagi kepada dua jenis iaitu muslim atau bukan muslim (Ibnu Taimiyah, 2004).

Riqab pula terbahagi kepada 3 jenis iaitu, mereka yang membebaskan dirinya daripada tuannya secara berhutang, orang Islam yang ditawan oleh pihak musuh Islam dalam peperangan, orang Islam yang menjadi hamba(Said Al-Qahtani, 2010). Gharimin ialah mereka yang berhutang, namun tidak mampu untuk membayar hutang tersebut(Al-Kasani, 1907).

Fisabilillah ialah umum iaitu berkaitan dengan semua amalan yang mendekatkan diri kepada Allah SWT sama ada amalan yang wajib, sunat dan ketaatan yang lain(Ibnu Athir, 1979). Ibnu Sabil ialah seorang pengembara asing yang terputus hubungan daripada keluarga dan kehabisan wangnya dalam perjalanannya, dan tidak mempunyai apa-apa bagi membolehkannya pulang ke negaranya, walaupun dia adalah seorang yang kaya di negaranya (Said Al-Qahtani, 2010).

3.0 INDUSTRI KESIHATAN DAN PESAKIT

Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai perkhidmatan kesihatan berkredibiliti tinggi(Bernama, 2023). Malaysia juga mempunyai sistem penjagaan

kesihatan dua peringkat yang cekap iaitu sektor penjagaan kesihatan yang dikendalikan oleh kerajaan berfungsi seiring dengan sistem penjagaan kesihatan swasta (Laman sesawang MIDA, 2024). Dalam industri kesihatan, pesakit merupakan individu yang seringkali mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan. Perkhidmatan mendapatkan rawatan ini disusuli dengan kos yang perlu dibayar oleh setiap pesakit terutamanya apabila melibatkan kes-kes yang memerlukan pembedahan. Pada tahun 2020, rekod menunjukkan bahawa telah dilaporkan 80 peratus masyarakat mendapatkan rawatan di kemudahan perubatan awam manakala bilangan pesakit yang memilih hospital swasta telah menurun kepada 70 hingga 80 peratus. Hal ini disebabkan peningkatan premium insurans kesihatan (Sinar Harian, 2021). Pada hari ini pula, takaful perubatan atau kesihatan merupakan satu bentuk keperluan di mana purata rakyat Malaysia seringkali memilih untuk mendapatkan rawatan daripada hospital swasta, yang dilihat sebagai lebih baik serta masa menunggu yang lebih pendek (Berita Harian, 2019). Maka penggunaan harta zakat bagi membiayai pelan takaful perubatan pesakit dilihat mampu memberikan manfaat kepada pesakit dan seterusnya dapat merancakkan lagi industri kesihatan di negara kita ini.

Jika dilihat dari sudut pandang asnaf zakat, pesakit sebenarnya boleh diklasifikasikan dan digolongkan kepada golongan asnaf yang wajar diberikan bantuan zakat. Pesakit ini boleh dikategorikan kepada beberapa jenis asnaf iaitu; fakir, miskin, muallaf, gharimin, fisabilillah. Hal ini adalah kerana setiap bahagian asnaf ini dilihat bersesuaian dengan status sebagai pesakit. Seseorang pesakit yang berlatar belakang kehidupan yang susah boleh dimasukkan dalam kategori miskin dan fakir. Pesakit yang baru memeluk Islam atau yang bukan Islam yang menunjukkan minat terhadap agama Islam boleh dimasukkan di bawah kategori muallaf. Pesakit yang mempunyai masalah bebanan hutang pula boleh dimasukkan di bawah kategori gharimin. Manakala harta zakat daripada asnaf fisabilillah boleh digunakan secara umumnya untuk merancakkan lagi perkembangan industri kesihatan negara. Hal ini kerana terdapat pandangan ulamak seperti Syeikh Siddiq Hasan Khan, Syeikh Rashid Redha, Syeikh Syaltut, dan Syeikh Hussain Makhluf yang menafsirkan makna asnaf fisabilillah ini kepada masalah umum kepada masyarakat (Al-Qaradawi, 1973). Suatu yang tidak dapat disangkalkan lagi, bahawa kerancakkan industri kesihatan negara memberikan masalah yang besar kepada rakyat dan masyarakat di dalam negara ini.

Kerancakkan ini telah bermula dan sedang berkembang dengan baik. Dari segi pengamalan yang telah dilakukan oleh pihak yang mengagihkan kutipan zakat dalam bahagian perubatan seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Lembaga Zakat Selangor (LZS) bantuan perubatan am diberikan kepada asnaf daripada kategori fakir, miskin, muallaf dan gharimin (Laman sesawang MAIWP, LZS 2024). Bagi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), bantuan perubatan diberikan kepada asnaf kategori fakir, miskin, muallaf (Laman sesawang MAIK, MAIM, 2024). Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) mengagihkan bantuan perubatan kepada asnaf fakir dan miskin sahaja, sama seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) (Laman sesawang MAIJ, MAINS, 2024). Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak (MAIPk) memberikan sumbangan perubatan kepada asnaf fakir, miskin, muallaf, Ibnu Sabil, fisabilillah, gharimin (Laman sesawang MAIPk, 2024). Lembaga Zakat Kedah (LZK) memberikan sumbangan perubatan kepada

asnaf miskin (Laman sesawang LZK, 2024). Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) pula memberikan sumbangan perubatan kepada fakir, miskin, muallaf, fisabillah dan ibnussabil (Laman sesawang MAIPs, 2024). Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM) mengkhususkan zakat bantuan perubatan kepada asnaf miskin dan muallaf (Laman sesawang MAIDAM, 2024). Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), mengagihkan zakat bantuan perubatan kepada asnaf fakir, miskin, mualaf, gharimin, dan fisabilillah (Laman sesawang MUIS, 2024).

Jadual 1: Kategori Asnaf Berkaitan Bantuan Perubatan Bagi Negeri-Negeri Di Malaysia

Pihak autoriti zakat negeri	Kategori asnaf berkaitan bantuan perubatan
Wilayah Persekutuan	Fakir, miskin, mualaf dan gharimin
Selangor	Fakir, miskin, mualaf dan gharimin
Kelantan	Fakir, miskin, mualaf
Melaka	Fakir, miskin, mualaf
Johor	Fakir dan miskin
Negeri Sembilan	Fakir dan miskin
Perak	Fakir, miskin, muallaf, ibnu sabil, fisabilillah, gharimin
Kedah	Miskin
Perlis	Fakir, miskin, muallaf, fisabillah dan ibnussabil
Terengganu	Miskin dan muallaf
Sabah	Fakir, miskin, mualaf, gharimin, dan fisabilillah
Sarawak	Info tidak ditemui
Pahang	Info tidak ditemui
Pulau Pinang	Info tidak ditemui

Antara contoh bantuan perubatan yang diberikan oleh pihak berautoriti zakat negeri-negeri ini ialah; bantuan perubatan am, projek khas kanta mata, hemodialisis, dan peralatan perubatan. Bantuan-bantuan sebegini sememangnya tidak dapat dinafikan dapat merancakkan industri kesihatan negara di samping tujuan utamanya adalah untuk membantu golongan asnaf yang tidak berkemampuan. Namun antara perkara yang sepatutnya yang perlu diberikan perhatian juga oleh pihak berautoriti zakat negeri-negeri ialah pencaruman bulanan takaful perubatan untuk manfaat asnaf zakat tersebut. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, bahawa pada hari ini keperluan untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan dan perubatan di hospital swasta adalah merupakan suatu keperluan memandangkan berlakunya kesesakan jumlah pesakit di hospital kerajaan. Malah terdapat cadangan daripada pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi kerjasama antara hospital kerajaan dan hospital swasta seperti contohnya melalui penyediaan perkhidmatan rawatan perubatan seperti pembedahan kecil dan rawatan penyakit berisiko rendah kepada pesakit (Sinar Harian, 2023).

Pencaruman bulanan takaful perubatan hanyalah dalam bentuk takaful mikro yang sesuai bagi keperluan golongan asnaf zakat (Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, et al., 2019). Gagasan idea takaful mikro tercetus apabila polisi takaful arus perdana kelihatan kurang mampu dimiliki populasi marginal yang berpendapatan rendah sungguhpun segmen ini dipercayai lebih memerlukan skim perlindungan (Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, et al., 2021). Walau bagaimanapun penggunaan dana zakat untuk takaful mikro masih lagi tidak meluas atau boleh dikatakan belum bermula. Barangkali ia disebabkan oleh isu-isu Syariah yang masih menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana Syariah khususnya hal penggunaan dana zakat sebagai untuk pembentukan model takaful mikro (Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, et al., 2018). Pihak berautoriti zakat sewajarnya memikirkan langkah terkehadapan dalam menyediakan perkhidmatan pencaruman takaful mikro ini kepada golongan asnaf zakat. Jika perkara ini dapat direalisasikan, ianya merupakan pendekatan baharu oleh pihak autoriti zakat dalam menghadapi cabaran dunia semasa yang juga dapat merancakkan lagi industri kesihatan negara kita.

4.0 FATWA ZAKAT BERKAITAN INDUSTRI KESIHATAN

Terdapat fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh pihak berautoriti dalam menanggapi isu ini. Antara fatwa yang telah dikeluarkan ialah fatwa daripada Majlis Fatwa Am Jordan (Dar Ifta' Jordan) yang mengharuskan pemberian zakat bagi tujuan perubatan pesakit yang terdiri di kalangan mereka yang fakir (Majlis Fatwa Am Jordan, 2010). Begitu juga dengan Majlis Fatwa Mesir (Dar Ifta' Mesir) mengeluarkan fatwa diharuskan menyumbangkan harta zakat kepada golongan fakir dan mereka yang memerlukan untuk tujuan proses rawatan kesihatan serta ubat-ubatan (Majlis Fatwa Mesir, 2022). Bahkan bantuan zakat perubatan ini boleh juga diberikan kepada Non Muslim yang memerlukan (Majlis Fatwa Mesir, 2021). Dr Yusuf Al-Qaradawi telah mengeluarkan fatwa diharuskan pemberian zakat kepada pesakit kanser yang sedang menjalani proses rawatan jika sekiranya mereka termasuk dalam kategori fakir dan mereka yang tidak berkemampuan (Al-Qaradawi, 2008). Syeikh Muhammad bin Saleh Al-Uthaimin juga berpendirian bahawa mereka yang sakit dan tidak berkemampuan untuk membayar kos rawatan, maka tidak menjadi suatu kesalahan untuk diberikan zakat kepada mereka bagi tujuan pembiayaan rawatan tersebut (Al-Uthaimin, 2003).

Di Malaysia pula, Mufti Wilayah Persekutuan telah mengeluarkan fatwa membenarkan pemberian bantuan zakat bagi rawatan dialisis kepada pesakit buah pinggang (Mufti Wilayah Persekutuan, 2020). Pada masa akan datang atau pada masa yang terdekat pihak berautoriti fatwa di dalam negara kita juga perlu mengeluarkan fatwa yang jelas berkaitan penggunaan harta zakat sebagai pencaruman takaful mikro perubatan bagi kemaslahatan asnaf zakat. Jika sekiranya zakat secara umumnya boleh diberikan kepada asnaf bagi membantu mereka dalam berhadapan dengan isu perubatan dan masalah kesihatan, maka begitulah juga zakat boleh digunakan untuk tujuan pembiayaan takaful mikro bagi pihak asnaf zakat.

5.0 KESIMPULAN

Zakat merupakan ibadah yang bukan hanya dapat membantu meringankan bebanan ujian kehidupan yang dialami oleh golongan asnaf, bahkan ianya juga dapat mengembangkan dan memajukan sektor ekonomi. Industri kesihatan tidak terkecuali apabila sumbangan bantuan zakat berkaitan perubatan banyak telah diagihkan kepada golongan asnaf yang layak oleh pihak autoriti zakat di dalam negara kita. Bahkan industri kesihatan dilihat bakal mendapat manfaat yang banyak jika sekiranya pembaharuan hukum-hukum zakat dapat diterokai oleh para ulamak zaman terkini. Dan antara isu yang sepatutnya diketengahkan ialah penggunaan harta zakat bagi tujuan pembiayaan takaful mikro untuk dinikmati manfaatnya oleh golongan asnaf.

Sumbangan Pengarang

Mohd Noor, M. I. sebagai penulis tunggal menulis dan menyiapkan pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; membuat penyediaan keseluruhan artikel yang dilaksanakan.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Abdul 'Ati Muhammad Ali. (2007). *Al-Maqasid Al-Syariyyah Wa Atharuha Fi Al-Fiqh Al-Islami*. Kaherah: Dar Al-Hadis.
- Al-Adwi, Ali bin Ahmad. (1994). *Hasyiah Al-Adwi Ala Kifayah Al-Talib Al-Rabbani*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Buhuti, Mansur bin Yunus. (1968). *Kashaf Al-Qana' 'An Matan Al-Iqna'*. Riyadh: Maktabah Al-Nasr Al-Hadithah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1993). *Sahih Bukhari*. Damsyik: Dar Ibnu Kathir.
- Al-Kasani, Abu Bakar bin Masud. (1907). *Badaie Al-Sanaie*. t.t: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Ghazi, Muhammad Sidqi bin Ahmad. (1996). *Al-Wajiz Fi Idah Qawaid Al-Fiqh Al-Kuliyyah*. Beirut: Muassasah Al-Risalah Al-Ilmiyyah.
- Al-Marghinani, Ali bin Abu Bakar. (t.t). *Al-Hidayah Fi Sharh Bidayah Al-Mubtadi*. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-Arabi.
- Al-Nawawi, Yahya bin Saraf. (1926). *Al-Majmu' Sharh Al-Muhazzab*. Kaherah: Idarah Al-Tibaah Al-Muniriyyah.
- Al-Qahtani, Said bin Ali. (2010). *Al-Zakat Fil Islam Fi Daw' Al-Kitab Wa Sunnah*. t.t: Markaz Dakwah Wal Irsyad.
- Al-Qaradawi, Yusuf bin Abdullah. (1973). *Fiqh Zakat*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.

- Al-Qaradawi, Yusuf bin Abdullah. (2008). *Usul Al-'Amal Al-Khairi Fi Al-Islam*. Kaherah: Dar Al-Syuruq.
- Al-Saa'di, Abdul Rahman bin Nasir. (2000). *Tafsir Al-Saa'di*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Al-Syarbini, Muhammad bin Muhammad. (1994). *Mughni Al-Muhtaj*. t.t: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa. (1975). *Sunan Al-Tirmizi*. Mesir: Syarikat Maktabah Wa Matbaah Mustafa Al-Babi Al-Halabi.
- Al-Uthaimin, Muhammad bin Salih. (2003). *Majmu' Fatawa Wa Rasail Muhammad bin Salih Al-Uthaimin*. Riyadh: Dar Al-Thariya.
- Al-Zailai, Uthman bin Ali. (1893). *Tabyin Al-Haqaiq*. Kaherah: Al-Matbaah Al-Kubra.
- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (1991). *Tafsir Al-Munir*. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Ibnu Athir, Al-Mubarak bin Muhammad. (1979). *Al-Nihayah Fi Gharib Al-Hadith Wal Athar*. Beirut: Al-Maktabah Al-Ilmiyyah.
- Ibnu Hajar Al-'Asqalani, Ahmad bin Ali. (1969). *Fathul Bari*. Mesir: Al-Maktabah Al-Salafiyyah.
- Ibnu Hazm, Ali bin Ahmad. (t.t). *Al-Muhalla Bil Athar*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Ibnu Kathir, Ismail bin Umar. (1998). *Tafsir Ibnu Kathir*. t.t: Dar Tayyibah.
- Ibnu Nujaim, Zainuddin bin Ibrahim. (1999). *Al-Ashbah Wa Nazair*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ibnu Majah, Muhammad bin Yazid. (2009). *Sunan Ibnu Majah*. t.t: Dar Al-Risalah Al-Alamiyyah.
- Ibnu Manzur, Muhammad bin Mukarram. (1993). *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar Al-Sadir.
- Ibnu Taimiyah, Ahmad bin Abdul Halim. (2004). *Majmu' Fatawa*. Madinah: Majma' Al-Malik Fahd.
- Muhammad Alish. (1983). *Munah Al-Jalil Sharh Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Muhammad Rawas. (1988). *Mu'jam Lughah Al-Fuqaha'*. t.t: Dar Al-Nafais.
- Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, et al., (2021). Integrasi Takaful Mikro dan Wakaf Ketika Pandemi: Analisis Potensi dan Cabaran. *Jurnal 'Ulum Islamiyyah* 33(3), 135-150.
- Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, et al., (2019). Penggunaan Dana Zakat Dalam Pembangunan Takaful Mikro: Satu Sorotan Literatur. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 17(2), 73-85.
- Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, et al., (2018). Analisis Hukum Penggunaan Dana Zakat untuk Pembangunan Model Takaful Mikro. *Jurnal Undang-Undang Islam Kontemporari* 3(2), 28-36.
- https://appszakat.sabah.gov.my/agihan_skim.php(Diakses pada 26 Mei 2024).
- https://ebantuan.maj.gov.my/bantuan-sara-hidup/btn_medical#step-0(Diakses pada 26 Mei 2024).
- <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3935-al-kafi-1502-hukum-pemberian-bantuan-zakat-bagi-rawatan-dialisis-kepada-pesakit-buah-pinggang>(Diakses pada 26 Mei 2024).
- <https://online.maiamp.gov.my/bantuanmaipk/>(Diakses pada 26 Mei 2024).

- <https://www.aliftaa.jo/research-fatwas/766/>-ما-يجد-لا-الزكاة-لمن-يجوز-دفع-الزكاة-من-لا-يجد-ما- (Diakses pada 26 Mei 2024).
- <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2162371>(Diakses pada 25 Mei 2024).
- <https://www.bharian.com.my/wanita/sihat/2019/11/630264/fakta-sebenar-mengenai-insurankafal-perubatan-dan-kesihatan>(Diakses pada 25 Mei 2024).
- <https://www.dar-alifta.org/ar/fatawa/17014/>-المساهمة-بأموال-الزكاة- (Diakses pada 26 Mei 2024).
- <https://www.e-maik.my/v2/skim-bantuan/bantuan-rawatan-perubatan>(Diakses pada 26 Mei 2024).
- <https://www.maidam.gov.my/index.php/bantuan-mengikut-asnaf>(Diakses pada 26 Mei 2024).
- <https://www.maim.gov.my/index.php/ms/perkhidmatan/perkhidmatan/agihan-zakat/skim-bantuan-zakat>(Diakses pada 26 Mei 2024).
- <https://www.mains.gov.my/v2/zakat/agihan/skim-bantuan-zakat-mengikut-asnaf>(Diakses pada 26 Mei 2024).
- https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=168&Itemid=845&lang=img(Diakses pada 26 Mei 2024).
- <https://www.mida.gov.my/ms/industri/perkhidmatan/perkhidmatan-penjagaan-kesihatan/>(Diakses pada 25 Mei 2024).
- <https://www.sinarharian.com.my/article/175535/berita/nasional/tubuh-jawatankuasa-kaji-kos-rawatan-hospital-swasta>(Diakses pada 25 Mei 2024).
- <https://www.sinarharian.com.my/article/247389/berita/nasional/star-ditubuh-atasi-kesesakan-di-hospital-kerajaan>(Diakses pada 27 Mei 2024).
- <https://www.zakatkedah.com.my/bantuan-tersedia/#1502152366662-b469b7f9-87a7>(Diakses pada 26 Mei 2024).
- <https://www.zakatselangor.com.my/agihan-zakat/permohonan-zakat/>(Diakses pada 26 Mei 2024).
- <https://www1.maiwp.gov.my/portal-main/bantuan-perubatan>(Diakses pada 26 Mei 2024).